**PERBADANAN ASET KERETAPI**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

# KENYATAAN TENDER

**TARIKH: 8 FEBRUARI 2024**

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :

| BUTIRAN TENDER | GRED & PENGKHUSUSAN | TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL & MUAT TURUN | HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA |
|---|---|---|---|
| **PELAKSANAAN PROJEK CADANGAN MEMBINA BAHARU DAN MENYIAPKAN 15 UNIT KUARTERS, KAWASAN TEMPAT LETAK KERETA DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI STESEN KERETAPI TANAH MERAH, BANDAR TANAH MERAH, KELANTAN**<br><br>**NO. TENDER: RAC.K-A/01/24** | Status: **Bumiputera**<br><br>Gred: **G5**<br><br>Pengkhususan: **B04 dan CE21 (Wajib)** | Tarikh Jualan Dokumen: **20 Februari 2024 (Selasa) – 26 Februari 2024 (Isnin)**<br><br>Tarikh Muat Turun Dokumen: **21 Februari 2024 (Rabu)**<br><br>Catatan: Dokumen akan diberi melalui storan dalam talian (*Cloud*). Pautan muat turun Dokumen dan kata laluan akan diberikan setelah Petender mengemukakan slip bukti transaksi bayaran. | **Harga Dokumen: RM100.00** (Tidak akan dikembalikan)<br><br>**Perbankan Atas Talian** ke atas nama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) |

**PENDAFTARAN KONTRAKTOR:**
Kontraktor yang berminat dan memenuhi syarat-syarat pendaftaran hendaklah mengisi **BORANG SARINGAN WAJIB** secara atas talian seperti ketetapan berikut:
Tarikh: **9 Februari 2024 (Jumaat) hingga 14 Februari 2024 (Rabu)**
Masa: **Tamat pada 11.59 malam (14 Februari 2024)**
Pautan: https://forms.gle/B4DFhmLFKkiEhgv68

Petender adalah **DIWAJIBKAN menghadiri Taklimat/Lawatan Tapak Tender** seperti berikut:

**Tapak Kuarters Tanah Merah : 20 Februari 2024 (Selasa), jam 10:00 pagi**
**Koordinat : 5.787635, 102.144808**

**SESI TAKLIMAT TENDER** dan **LAWATAN TAPAK** adalah **DIWAJIBKAN**. **Hanya petender yang telah memenuhi syarat ditetapkan adalah layak untuk menyertai sesi taklimat dan lawatan tapak.**

Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak, **hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Kontraktor **TIDAK BOLEH** mewakilkan individu selain daripada penama dalam PPK dan SPKK. Sila bawa bersama Sijil **ASAL** Pendaftaran **PPK, SPKK** dan **STB** beserta satu **SALINAN** sijil-sijil tersebut dan **cop syarikat**.

**Hanya petender yang telah menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak Tender** boleh membuat pembayaran secara atas talian dalam tempoh penjualan yang telah ditetapkan. Slip bayaran perlu dikemukakan melalui emel kepada perolehan@rac.gov.my sebagai bukti pembayaran.

**TARIKH TENDER DITUTUP** adalah pada **21 Mac 2024 (Khamis) pada jam 12:00 tengah hari.** Sebarang kelewatan dalam penghantaran dokumen tender tidak akan diterima. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Tender di penjuru kiri sebelah atas sampul serta dikemukakan sebelum atau pada 21 Mac 2024 (Khamis) jam 12:00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat :-

**Ketua Pegawai Eksekutif,**
**Perbadanan Aset Keretapi,**
**Aras 15, IOI City Tower 2,**
**Lebuh IRC, IOI Resort City,**
**62502, Putrajaya Sepang,**
**Selangor Darul Ehsan.**